

**APLIKASI KAEDAH FIQH “LA DARAR WA LA DIRAR” DALAM ISU COVID-19  
DI MALAYSIA**

**THE APPLICATION OF THE ISLAMIC LEGAL MAXIM “LA DARAR WA LA DIRAR” IN  
COVID-19 ISSUES IN MALAYSIA**

Zulfaqar Mamat

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

(Corresponding author) Email: [zulfaqar@usim.edu.my](mailto:zulfaqar@usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menyingkap aspek penggunaan kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” yang boleh diaplikasikan dalam situasi semasa di Malaysia. Kaedah ini yang diambil secara langsung daripada hadis Nabi SAW dilihat penting dalam membantu para ulama kontemporari mencari persamaan dan membuat perbandingan terhadap masalah-masalah fiqh yang pelbagai dan menyesuaikan dengan permasalahan baru yang belum mempunyai sandaran hukum syarak. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui penerokaan terhadap sumber kepustakaan yang pelbagai dengan meneliti buku-buku berkaitan *qawaid fiqhiah*, jurnal dan juga laporan pihak yang berkepentingan dalam isu COVID-19 di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” dan beberapa pecahan kaedah yang berada dibawahnya telah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkait dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Walaupun ia tidak disebut secara jelas tetapi tindakan yang diambil adalah selari dengan kaedah fiqh tersebut yang menyarankan supaya semua kemudaratan dihilangkan.

**Kata kunci:** Aplikasi, kaedah fiqh, kaedah pecahan, COVID-19, metodologi kualitatif, fiqh

**ABSTRACT**

This study aims to reveal some aspect in using the Islamic legal maxim “*la darar wa la dirar*” that can be applied in the current situation in Malaysia. This method is taken directly from the hadith of the Prophet p.b.u.h., is seen important in helping contemporary scholars find similarities and make comparisons to various fiqh problems and adapt them to new problems that do not yet have Islamic law. The methodology of the study is to use qualitative methods through exploration of various library resources by examining books related to *qawaid fiqhiah*, journals and also reports of stakeholders in the issue of COVID-19 in Malaysia. The findings of the study show that the Islamic legal maxim “*la darar wa la dirar*” and some fractions of the method below it have been applied in various problems related to the implementation and direction of the government during the COVID-19 pandemic in Malaysia. Although it is not mentioned clearly but the action taken is in line with the Islamic legal maxim which suggests that all harm must be removed.

**Keywords:** Application, Islamic legal maxim, COVID-19, qualitative methodology, fiqh

## Pendahuluan

Penggunaan kaedah fiqh sebagai salah satu sumber sandaran hukum menjadi pertikaian antara para fuqaha. Terdapat fuqaha yang mengharuskan penggunaannya tertakluk kepada syarat tertentu dan ada fuqaha yang tidak mengharuskan penggunaannya sebagai sandaran hukum. Sungguh pun begitu, dalam kebanyakan keadaan terdapat banyak kaedah fiqh yang dijadikan penguat atau hujah sokongan kepada dalil-dalil fiqh yang lain, lebih-lebih lagi kaedah-kaedah fiqh utama yang bersumberkan dalil-dalil yang autentik daripada al-Quran dan hadis Nabi SAW yang disepakati oleh para fuqaha sepanjang zaman. Antaranya ialah kaedah “*la darar wa la dirar*” (al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar: 2007) yang diambil secara langsung daripada sabdaan Nabi SAW.

## Definisi Kaedah “*La Darar Wa La Dirar*”

Kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” atau dalam Bahasa Melayu diterjemahkan sebagai tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat merupakan salah satu daripada lima kaedah fiqh yang utama (*al-qawaid al-kulliyah al-khams*). Ia merupakan kaedah dasar kerana terkandung dibawahnya kaedah-kaedah cabang atau pecahan dalam pelbagai bab fiqh.

Perkataan *darar* menurut bahasa berasal daripada akar kata *darra* yang bermaksud sesuatu yang bertentangan dengan manfaat (Ibn Manzur: t.thn), sementara dari segi istilahnya ia bermaksud melakukan kerosakan terhadap kemaslahatan yang disyariatkan sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain secara tidak benar, melampau atau cuai (Muhammad Zaharuddin Zakaria et.al: 2016).

Perkataan *dirar* pula terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha mengenai maksudnya. Ada fuqaha yang mengatakan maknanya sama seperti *darar* dan disebut dengan kedua-duanya dalam hadis dengan tujuan *ta'kid* (penguat), dan ada yang menyatakan terdapat perbezaan antara keduanya. Sebahagian ulama menyatakan yang dimaksudkan dengan ‘*darar*’ ialah memberi mudarat kepada orang lain yang tidak memudaratkan kamu. Sedangkan yang dimaksudkan “*dirar*” ialah membalas orang yang memudaratkan kamu dengan hal yang tidak setara dan bukan untuk membela kebenaran (Ibn Manzur: t. thn).

Walau apapun perbezaannya, kaedah fiqh ini menjelaskan bahawa semua jenis kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu wajib dihilangkan daripada terus berlaku. Wajib ke atas setiap muslim menghilangkan mudarat terhadap dirinya, begitu juga tidak harus bagi muslim tersebut menyebabkan mudarat kepada orang lain. Kemudaratan wajib dihilangkan sebelum berlakunya perkara tersebut (*sadd al-zaraie*), wajib juga dihilangkan ketika berlakunya perkara tersebut dengan menghilangkan mudarat tersebut, atau menyediakan alternatif lain bagi menggantikan mudarat dan menjatuhkan hukum kepada pelaku mudarat dengan hukuman yang sesuai.

## Dalil Kaedah “*La Darar Wa La Dirar*”

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW yang melarang perbuatan yang memberi mudarat kepada diri dan orang lain. Antaranya:

Firman Allah SWT:

(وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَّغُنَّ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرَحوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ ۚ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا ۗ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ ۚ وَلَا تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا ۗ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ لِيُعْظِمَكُمْ بِهِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ)

Maksudnya: “Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (ujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (ujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). Dan kenanglah nikmat

*Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu” (Al-Quran: Al-Baqarah: 231)*

Ibn Kathir (t. thn) menyatakan dalam ayat ini Allah SWT telah melarang suami yang memudaratkan isterinya dengan mentalakkannya, apabila telah hampir selesai tempoh iddah isterinya dia merujuk balik dengan niat untuk memanjangkan tempoh iddah tersebut maka Allah SWT menegah mereka dari berbuat demikian kerana ia menzalimi dan menyalahi perintah Allah SWT.

Sabda Nabi SAW:

{ لا ضرر ولا ضرار }

Maksudnya: “Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat” (Ibn Majah, Kitab al-Ahkam, Bab Man Bana Fi Haqqihi, Hadis 2431).

Al-Imam al-Shatibi (1997) berkata: “Meskipun hadis ini terdiri daripada dalil yang *zanni* (ظني) namun ia termasuk di bawah satu asal yang *qat’ie* (قطعي), kerana kemudatan dan memudaratkan adalah ditegah dalam seluruh syariat sama ada dalam berbagai kejadian yang khusus atau *juz’ie* (جزئي) atau kaedah-kaedah yang umum atau *kulliyy* (كلي).

### **Kepentingan Kaedah “La Darar Wa La Dirar”**

Kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” secara amnya merupakan salah satu dasar penting dalam syariat Islam. Ia menunjukkan betapa syariat Islam mengambil berat tentang perkara yang mendatangkan manfaat kepada manusia secara keseluruhannya dan menghalang mereka daripada melakukan kemudatan kepada diri dan masyarakat.

Kaedah ini bertujuan mendidik umat Islam akan makna keluasan, rahmat dan kasihan belas sesama manusia, menyeru setiap orang Islam supaya membenci kezaliman, permusuhan dan kerosakan. Sekiranya diamalkan ia tentunya menonjolkan kecantikan dan kebaikan Islam dan ajarannya yang bernilai tinggi.

Matlamat akhir daripada kaedah ini sudah tentu untuk mencari keredaan Allah SWT yang menyukai orang-orang berbuat kebaikan dan kasihan belas serta membenci orang-orang yang memberi mudarat kepada orang lain dengan zalim dan melampaui batas (al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar: 2007).

### **Kaedah-Kaedah Pecahan Bagi Kaedah Utama “La Darar Wa La Dirar”**

Memandangkan kaedah “*la darar wa la dirar*” adalah kaedah dasar, maka dibawahnya terdapat banyak kaedah cabang atau pecahan yang mewakili atau membentuk kaedah dasar tersebut. Antara kaedah pecahan yang utama ialah:

1. الضرر يزال (Kemudatan hendaklah dihilangkan)

Tiada pertanggungjawaban (*taklif*) dalam agama yang membawa mudarat terhadap diri manusia, bahkan ia hendaklah dihapuskan. Kaedah in menetapkan asas bahawa setiap muslim perlu menghapuskan mudarat kepada dirinya dan dia tidak harus memberi mudarat kepada orang lain (Muhammad Zaharuddin Zakaria et.al: 2016).

Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

- i. Kerajaan harus mencegah dari kegiatan monopoli golongan tertentu terhadap barangan asasi masyarakat seperti beras di Malaysia, kerana monopoli akan membawa mudarat kepada kebanyakan anggota masyarakat.
- ii. Sesiapa yang memproses getah di kawasan kediamannya dan jiran-jiran terkesan dengan bau busuk getah tersebut, maka wajib bagi pemilik getah untuk menghilangkan kemudaratan tersebut dengan cara yang sesuai.
- iii. Seseorang yang membuka perniagaan di kaki lima jalan sehingga mengganggu lalu lintas maka wajib diambil tindakan untuk tidak memudaratkan orang ramai.

2. درء المفاسد أولى من جلب المصالح (Menolak kerosakan lebih utama dari mendatangkan kebaikan)

Apabila berlaku pertentangan antara kebaikan dan kerosakan dalam sesuatu perkara maka menolak kerosakan didahulukan berbanding membawa kemaslahatan. Ini kerana Allah SWT lebih menekankan untuk mencegah perkara yang dilarang terlebih dahulu berbanding melakukan perkara yang diperintahkan. Keadah ini sesuai dengan hadis Nabi SAW yang berbunyi:

{ ما نهيتكم عنه فاجتنبوه، وما أمرتكم به فأتوا منه ما استطعتم ... }

Maksudnya: “*Apa-apa perkara yang aku melarang kamu daripadanya maka jauhilah ia, dan apa-apa perkara yang aku perintahkan kamu dengannya maka buatlah sekadar kemampuan kamu...*” (Muslim. Hadis 1337).

A

tara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

- i. Kewajipan untuk mencegah daripada penjualan arak, dadah dan seumpamanya sekalipun ia memberi pulangan yang baik daripada segi ekonomi kepada negara kerana keburukannya yang lebih besar.
- ii. Seorang perempuan yang wajib mandi tetapi tiada pintu atau penutup yang menghalang pandangan lelaki ketika mandi, maka wajib melewati mandinya kerana membuka aurat di hadapan lelaki adalah mudarat yang lebih besar berbanding kewajipan mandi tersebut.

3. يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام (Ditanggung kemudaratan yang khusus untuk menolak kemudaratan yang umum)

Mudarat umum melibatkan semua orang, sedangkan mudarat khusus melibatkan individu atau golongan kecil sahaja, maka dalam keadaan berlaku pertembungan antara mudarat umum dan mudarat khusus yang lebih rendah kedudukannya, maka mudarat umum perlu dihindari terlebih dahulu sekalipun terpaksa melakukan mudarat khusus (Zaydan, Abdul Karim: 2001).

Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

- i. Kerajaan bercadang membina jalan raya di sebuah kampung kerana tiada jalan raya, akan tetapi jalan raya tersebut tidak dapat di bina melainkan beberapa rumah penduduk kampung perlu diruntuhkan. Maka rumah penduduk tersebut boleh diruntuhkan bagi menyempurnakan masalah umum penduduk kampung membina jalan raya.
- ii. Sekiranya terdapat mufti yang jahil dalam memberi fatwa atau doktor palsu yang tiada kelulusan maka kerajaan boleh menahan mereka, kerana mudaratnya lebih kecil dan khusus kepada mereka sahaja berbanding membiarkan mereka memberi fatwa sesat atau membuat pembedahan yang membahayakan nyawa ramai orang awam.

4. الضرر يدفع بقدر الإمكان (Kemudaratan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan)

Wajib menghindari kemudaratan mengikut kemampuan sebelum berlaku dengan segala cara dan peralatan sesuai dengan masalah dan dasar perundangan. Ia termasuk dalam bab menutup pintu kerosakan (*sadd al-zaraie*) dan mencegah lebih baik daripada mengubati. Sekiranya tidak dapat

menghindari kesemua mudarat maka wajib menghindari sekadar yang boleh berdasarkan kemampuan (Sadlan, Soleh bin Ghanim. 1417H).

Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

- i. Pemerintah boleh mengenakan sekatan kepada orang yang berhutang untuk bermusafir ke luar negara berdasarkan permintaan dari pemiutang atau wakilnya.
- ii. Penjahat yang telah menggunakan harta yang dirampas daripada pemiliknya atau harta tersebut musnah ditangannya dan tidak mampu dipulangkan semula, maka wajib bagi penjahat tersebut menggantikannya dengan wang atau barangan yang serupa dengan harta tersebut.

5. تصرف الإنسان في خالص حقه، إنما يصح، إذا لم يتضرر به غيره. (Tindakan manusia pada perkara yang menjadi miliknya hanya sah apabila tidak memudaratkan orang lain)

Setiap manusia diberi kebebasan untuk membelanjakan barang atau apa sahaja yang menjadi miliknya. Sebagai contohnya seseorang yang mempunyai sebaldi air harus baginya untuk minum, berwuduk atau bersedekah dengan air tersebut, tetapi tidak harus baginya untuk melontar baldi air tersebut kepada jiran kerana ia boleh memberi mudarat kepadanya (Muhammad Zaharuddin Zakaria et.al: 2016).

Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

- i. Seseorang yang melakukan kerja-kerja pengubahsuaian di rumah miliknya tetapi menyebabkan rumah jirannya rosak, maka perlu mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengekang perkara tersebut daripada berlaku.
- ii. Seseorang yang membina dinding dirumahnya sehingga menghalang cahaya dari memasuki tingkap rumah jirannya adalah melakukan kemuadaratan dan harus bagi jirannya untuk meminta diruntuhkan dinding tersebut.

### **Aplikasi Kaedah “*La Darar Wa La Dirar*” Dan Pecahannya Dalam Isu Covid-19**

Berdasarkan kepada kaedah “*la darar wa la dirar*” dan pecahan-pecahan yang berada dibawahnya tadi, ternyata banyak persamaan dan bandingan permasalahan yang boleh dibuat dan diselesaikan terhadap isu yang sedang berlaku secara meluas di seluruh dunia dan secara khususnya di Malaysia iaitu penularan wabak Covid-19. Ia merupakan sejenis virus baru daripada keluarga *coronavirus* yang tidak pernah lagi dijumpai pada manusia sebelum ini (*novel virus*). Ia dikatakan bermula di wilayah Wuhan, Hubei, China pada akhir tahun 2019 dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 telah mengisytiharkan sebagai pandemik. Laporan sehingga 16 Mac 2020 menyatakan virus ini telah tersebar ke hampir 170 negara dan seramai 242,830 orang telah dijangkiti, di mana sekitar 9,857 orang telah meninggal dunia dan jumlah kes di China sahaja mencecah 81,264 orang dengan kematian seramai 3,250 orang. (BERNAMA. 16 Mac 2020).

Cara penularan wabak Covid-19 daripada individu kepada individu adalah melalui titisan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila seseorang batuk atau bersin. Titisan ini merentasi objek dan permukaan di sekelilingnya. Orang lain kemudian mendapat jangkitan Covid-19 dengan menyentuh objek atau permukaan ini, kemudian menyentuh mata, hidung atau mulutnya. Seseorang itu juga boleh dijangkiti Covid-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit Covid-19 yang batuk atau bersin atau melepaskan titisan. Itulah sebabnya penting untuk mengekalkan jarak lebih dari 1 meter (3 kaki) dari orang yang sakit (KKM: 2020).

Memandangkan ancaman virus yang semakin serius dan membahayakan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (dan kemudiannya dilanjutkan lagi sehingga 14 April 2020) untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat kerana situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin (Mahyuddin Yassin. 16 Mac 2020). PKP yang diumumkan pihak kerajaan ini meliputi;

- i. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.

Untuk itu, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat Jumaat sepertimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.

- ii. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (self quarantine) selama 14 hari.
- iii. Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara.
- iv. Penutupan semua TASKA, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti.
- v. Penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.
- vi. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (essential services) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Tindakan yang diambil oleh kerajaan tentulah akan menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada rakyat, tetapi dalam masa yang sama ia perlu dilakukan untuk membendung penularan wabak daripada terus berlaku yang akan menimbulkan bahaya yang lebih besar dan mengorbankan nyawa yang lebih banyak.

Sekiranya dilihat dalam konteks fiqh Islam ternyata banyak kaedah fiqh yang menyokong tindakan kerajaan dan boleh diaplikasikan terhadap situasi yang sedang melanda negara pada ketika ini. Antara kaedah yang sesuai ialah kaedah fiqh yang menjadi perbincangan dalam kajian ini iaitu kaedah “*la darar wa la dirar*” dan beberapa kaedah pecahan yang berada dibawahnya. Berikut merupakan beberapa pemakaian dan aplikasi kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” dan pecahannya dalam menangani permasalahan berkaitan Covid-19 melalui langkah-langkah pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia.

#### 1. الضرر يزال Kemudaratan hendaklah dihilangkan

Dalam konteks Covid-19, tindakan kerajaan yang melarang pergerakan dan perhimpunan ramai seperti ijtima, majlis perkahwinan, aktiviti keagamaan seperti solat Jumaat dan jemaah serta penutupan semua sekolah, universiti dan lain-lain institusi yang tidak kritikal adalah selari dengan kaedah fiqh yang menyarankan supaya semua jenis kemudaratan hendaklah dihilangkan, sama ada ia bersifat umum kepada semua anggota masyarakat atau khusus kepada golongan tertentu sahaja. Begitu juga, Syarak menetapkan bahawa sesuatu kemudaratan hendaklah dihilangkan sebelum ia berlaku melalui langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya. Selain itu, jika wabak telah berlaku dan tindakan pencegahan telah dilakukan tetapi masih ada lagi kemudaratan kepada masyarakat disebabkan sikap segelintir ahli masyarakat yang degil melanggar arahan pihak berkuasa maka peruntukan denda, penjara dan sebagainya boleh dikenakan untuk memberi keadilan dan mencegah dari berlakunya kemudaratan yang lebih besar.

Selain itu pihak kerajaan juga boleh menyekat kegiatan monopoli yang dilakukan pihak tertentu dengan meletakkan harga siling yang munasabah kepada barangan keperluan asasi semasa PKP Covid 19 bagi mengelakkan ia dinaikkan sesuka hati oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Individu yang disyaki terkena wabak Covid 19 juga perlu memainkan peranan menolak kemudaratan daripada terkena kepada orang lain, dengan mematuhi perintah kuarantin sama ada di hospital atau di rumah, tidak melarikan diri, tidak menyembunyikan fakta dan sedia memberi kerjasama apabila diminta berbuat demikian bagi mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.

Syeikh Abdullah bin Bayyah (2020) yang mengetuai Majlis Fatwa Syar’ie, Emiriah Arab Bersatu (UAE) ketika mengeluarkan fatwa berkaitan Covid-19 mengatakan “haram menurut syarak kepada

mereka yang menghidapi penyakit ini atau mengalami simptom-simptomnya untuk berada di tempat-tempat awam, atau pergi ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah, solat Jumaat dan solat Hari Raya. Hendaklah dia mengambil segala langkah pencegahan yang perlu dengan dikuarantinkan dan dirawat oleh kementerian kesihatan, supaya tidak menyumbang kepada penularan wabak kepada orang lain”.

## 2. **درء المفساد أولى من جلب المصالح** (Menolak kerosakan lebih utama daripada mendatangkan kebaikan)

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan berjemaah bermula 16 Mac sehingga 26 Mac 2020. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri kemudiannya berkata “tempoh 10 hari tersebut adalah tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)” (Suraya Roslan: 16 Mac 2020). Kesemua negeri kemudiannya melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri telah mengambil langkah yang sama untuk menangguhkan pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau negeri masing-masing. Langkah ini sebenarnya turut diambil oleh Badan-badan fatwa di negara Islam yang lain. Pihak Haiah Kibar Ulama al-Azhar al-Syarif (15 Mac 2020) dan Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia (14 Mac 2020) misalnya telah memutuskan tentang keharusan di sisi syarak untuk menghentikan solat Jumaat dan solat berjemaah di semua kawasan berikutan penularan wabak Covid-19.

Antara hujah yang menyokong pelaksanaan penangguhan aktiviti tersebut ialah keutamaan untuk menolak keburukan terlebih dahulu sebelum mendatangkan kebaikan. Ini kerana jika dibiarkan berlakunya perhimpunan beramai-ramai walaupun apa jua tujuan, maka ia sangat berisiko untuk membawa kepada kemudharatan dan kebinasaan, sedangkan prinsip Islam ialah menolak kemudharatan (Bayan Linnas Siri Ke-225: 17 Mac 2020). Walaupun di sana ada kebaikan dengan solat berjemaah dan solat Jumaat bersama-sama, tetapi semasa wabak melanda yang memerlukan tiada percampuran dan penjarakan sosial maka menghalang daripada kemudharatan yang semakin kritikal dan meluas yang boleh mengancam nyawa adalah lebih diutamakan pada ketika ini berbanding kebaikan yang diperolehi dalam solat Jumaat atau berjemaah

## 3. **يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام** (Ditanggung kemudharatan yang khusus untuk menolak kemudharatan yang umum)

Tindakan kuarantin yang dikenakan kepada sebilangan pesakit Covid-19 atau orang disyaki mempunyai simptom-simptom Covid 19 adalah berasas bagi mengelakkan lebih ramai anggota masyarakat terkena wabak atau penyakit tersebut. Ia termasuk dalam maksud kaedah fiqh ditanggung kemudharatan yang khusus untuk menolak kemudharatan yang umum.

Kaedah ini bertepatan dengan satu hadis Nabi SAW yang mencegah orang yang sakit dari mendatangi orang yang sihat agar terhindar dari berjangkit kepada ramai orang. Sabda Rasulullah SAW:

{ لَا يُورِدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّحٍ }

Maksudnya: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat” (Al-Bukhari: Bab La Adwa: Hadis 5771)

## 4. **الضرر يدفع بقدر الإمكان** (Kemudharatan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan)

Langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak berkuasa semasa berlakunya wabak Covid 19 menepati kaedah fiqh yang menyatakan bahawa kemudharatan hendaklah dihindari sebaik mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing, iaitu seseorang yang berkeperluan untuk keluar semasa berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid 19 perlulah mematuhi peraturan sebaiknya untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya penyebaran wabak kepada orang lain. Antara langkah-langkah mengurangkan risiko jangkitan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Manusia (2020) adalah seperti mana berikut:

- i. Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk atau bersin.
- ii. Memakai penutup hidung dan mulut apabila berurusan dengan orang lain.
- iii. Kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau pembasmi kuman.
- iv. Pastikan menjaga kebersihan sepanjang masa.

Selain itu, dasar perintah pelaksanaan PKP yang menghadkan hanya ketua keluarga atau wakil keluarga sahaja yang dibenarkan keluar membeli barang keperluan sepanjang tempoh kawalan berlangsung juga perlu dipatuhi sebaiknya bagi membendung penularan wabak Covid-19 (Astro Awani. 21 Mac 2020).

5. تصرف الإنسان في خالص حقه إنما يصح إذا لم يتضرر به غيره (Tindakan manusia pada perkara yang menjadi miliknya hanya sah apabila tidak memudaratkan orang lain)

Sekiranya dilihat aplikasi kaedah ini dalam konteks Covid 19, seseorang yang telah dijangkiti Covid 19 tidak harus melakukan perbuatan atau tindakan yang boleh menyebabkan orang lain mendapat jangkitan yang sama. Walaupun pesakit mempunyai hak terhadap tubuh badannya, tetapi dia tidak boleh menggunakan haknya dengan cara yang salah. Perbuatan memberi mudarat kepada orang lain sama ada seperti sengaja batuk atau bersin atau menyentuh orang lain yang sihat, melarikan diri daripada mendapat rawatan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan dalam syariat Islam.

Mengulas mengenai kaedah ini Dr. Wahbah al-Zuhayli (1985) mengatakan “hak pemilikan terhadap sesuatu bukanlah hak mutlak, tetapi ia terikat dengan tidak membawa mudarat kepada orang lain. Apabila penggunaan hak tersebut menyebabkan berlakunya mudarat kepada orang lain hasil tindakan buruknya, maka pelaku mudarat tersebut perlu bertanggungjawab”.

## Kesimpulan

Kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” dan pecahan yang berada dibawahnya merupakan kaedah-kaedah yang penting dalam membawa kemaslahatan dan menghindari kemudaratatan dalam kehidupan manusia. Melalui aplikasi keadah ini dalam kehidupan maka sesuatu masalah atau kes dapat dikenal pasti hukum dan penyelesaiannya berdasarkan syariat Islam. Ia memberi ketenangan dan kelegaan kepada masyarakat setelah mendapati apa yang mereka lakukan adalah bertepatan dengan hukum syarak. Penelitian dalam isu Covid-19 mendapati banyak arahan dan pelaksanaan yang dilaksanakan di Malaysia secara dasarnya menepati *maqasid* atau tujuan kaedah “*la darar wa la dirar*” dan juga kaedah-kaedah pecahan yang berada dibawahnya. Aplikasi kaedah ini secara menyeluruh turut membantu dalam memastikan urusan kehidupan manusia dapat ditadbir dengan sebaik-baiknya mengikut acuan dan ketetapan syariat Allah SWT.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Azhar al-Sharif: 15 Mac 2020. Kebutuhan Menghentikan Solat Jumaat dan Jemaah Kerana Menjaga Kemaslahatan Orangramai Dari Virus Corona. Dlm [https://www.facebook.com/OfficialAzharEg/posts/3325171640830239?\\_tn\\_=K-R](https://www.facebook.com/OfficialAzharEg/posts/3325171640830239?_tn_=K-R). Dilayari pada 26 Mac 2020.

Astro Awani. 21 Mac 2020. Dlm. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hanya-seorang-sahaja-boleh-keluar-rumah-beli-barangan-234639>. Dilayari pada 26 Mac 2020.

Bayan Linnas Siri Ke-225. 17 Mac 2020. Dlm. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>. Dilayari pada 26 Mac 2020.

BERNAMA. 16 Mac 2020. Dlm. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556632/covid-19-peningkatan-3-angka-6-hari-berturut-turut-di-malaysia> .Dilayari pada 26 Mac 2020

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. *Sahih al-Bukhari*. 1998. Bait al-Afkar al-Dawliyah. Al-Riyadh.

Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar: 2007. *Al-Qawaid al-Fiqhiah*. Jamiah Tunis al-Iftiradhiah. Tunis.



- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al Tuniji. 1997. *Al-Muwafaqat*. Dar Ibn Iffan. Al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiah. Jld.1.
- Ibn Kathir, Ismail. T.Thn. *Tafsir Ibn Kathir*. Dar al-Jil. Beirut. Jld. 1.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini, 1996. *Sunan Ibn Majah Bi Sharh al-Sanadi*. Dar al-Ma'rifah. Beirut. Jld. 3.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram. T. thn. *Lisan al-Arab*. Dar al-Fikr. Beirut. Jld. 2.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Covid 19 Infografik. Dlm. [http://www.moh.gov.my/moh/resources/user\\_35/kurangkan\\_risiko\\_novel\\_coronavirus-01.jpg](http://www.moh.gov.my/moh/resources/user_35/kurangkan_risiko_novel_coronavirus-01.jpg) Dilayari pada 26 Mac 2020.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. Soalan Lazim Penyakit Novel Coronavirus (Covid-19). Dlm. [https://www.infosihat.gov.my/images/media\\_sihat/lain\\_lain/pdf/SOALAN%20LAZIM%20COVID-19.pdf](https://www.infosihat.gov.my/images/media_sihat/lain_lain/pdf/SOALAN%20LAZIM%20COVID-19.pdf). Dilayari pada 26 Mac 2020.
- Mahyuddin Yassin. Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai Covid-19 16 Mac 2020. Dlm. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020/>, Dilayari pada 26 Mac 2020
- Muhammad Zaharuddin Zakaria et.al: 2016. *Al-Madkhal ila al-Qawaid al-Fiqhiah*. Penerbit USIM. Nilai.
- Sadlan, Soleh bin Ghanim. 1417H. *Al-Qawaid al-Kulliyah al-Kubra wa ma Tafarra' 'Anha*. Dar Balansiah. Al-Riyadh.
- Syeikh Abdullah bin Bayyah. 2020. *Fatwa an Virus Covid-19 wa ma Yataalaku Biha Min Ahkam*. Dlm. <http://binbayyah.net/arabic/archives/4505>. Dilayari pada 25 Mac 2020.
- Suraya Roslan. 16 Mac 2020. Covid-19: Semua Aktiviti di Masjid, Surau Ditangguhkan. Dlm. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/555161/covid-19-semua-aktiviti-di-masjid-surau-ditangguhkan>. Dilayari pada 26 Mac 2020.
- Wahbah al-Zuhayli. 1985. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikr. Beirut. Jld. 4
- Zaydan, Abdul Karim: 2001. *Al-Wajiz fi Sharh al-Qawaid al-Fiqhiah fi al-Shariah al-Islamiah*. Muassasah al-Risalah. Beirut.